



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PROGRAM PEMULIHAN KHAS

BUKU PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Bahasa Melayu

Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PROGRAM PEMULIHAN KHAS

BUKU PANDUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
Bahasa Melayu

Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Pendidikan Khas

2019

Tahun 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juu sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 2, Blok E, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	i
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	ii
Kurikulum Kebangsaan.....	iii
Kata Pengantar.....	1
Kata Aluan.....	2
Pendahuluan.....	3
Matlamat.....	4
Objektif.....	4
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah.....	5
Fokus.....	6
Kemahiran Abad Ke-21.....	6
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.....	10
Elemen Merentas Kurikulum.....	16
Kemahiran Pemulihan Bahasa Melayu.....	19
Pemetaan Bahasa Melayu.....	20
Dokumen Penghubung [Kemahiran Pemulihan Khas dan DSKP KSSR (Semakan 2017)].....	50
Penghargaan.....	115
Lampiran 1 - Tema Pengajaran Bahasa Melayu KSSR.....	123
Lampiran 2 - Cadangan Pengajaran.....	148
Lampiran 3 - Kaedah VAK.....	150
Lampiran 4 – Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).....	152
Lampiran 5 – 8 Peta Pemikiran i-THINK.....	155
Lampiran 6 – Pembelajaran Bermakna.....	159
Lampiran 7 – Permainan Bahasa.....	166



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha
kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

DEFINISI KURIKULUM KEBANGSAAN

3. Kurikulum Kebangsaan

(1) Kurikulum Kebangsaan ialah suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membantu perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.

Sumber: Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997
[PU(A)531/97]

KATA PENGANTAR



Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

Dalam memartabatkan Sistem Pendidikan Negara, penyeragaman program adalah amat penting agar ianya dapat bergerak beriringan memacu kejayaan. Justeru itu, penerbitan Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Pemulihan Khas Bahasa Melayu dan Matematik Tahun 2019 ini dibina bagi mencapai hasrat berkenaan agar pelaksanaan Program Pemulihan tidak ketinggalan dengan perubahan iklim pendidikan masa kini, terutamanya dengan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (Semakan).

Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Pemulihan Khas Bahasa Melayu dan Matematik ini dihasilkan dengan mengambil kira keperluan guru pemulihan untuk membimbing dan memberi peluang kepada murid pemulihan untuk mencapai potensi diri, dan seterusnya dapat bersaing dengan rakan-rakan lain di arus perdana. Selain itu, Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Pemulihan Khas Bahasa Melayu dan Matematik ini juga diharapkan dapat dijadikan bahan rujukan penting untuk meningkatkan tahap profesionalisme guru pemulihan dengan mengambil kira realiti sebenar, di mana setiap murid mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang berbeza.

Akhir kata, Bahagian Pendidikan Khas, mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam menghasilkan penerbitan buku ini. Saya amat berharap semoga buku ini dapat menjadi sumber rujukan guru-guru yang ingin mendapatkan maklumat serta memperkayakan pedagogi untuk memperbaiki kualiti pengajaran dan pemudahcaraan.

Sekian, terima kasih.

Encik Shazali bin Ahmad
Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas,
Kementerian Pendidikan Malaysia

KATA ALUAN



Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Salam Muafakat Pemulihan.

Unit Pengurusan Program Pemulihan Khas, Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sentiasa berusaha memantapkan sumber rujukan guru dalam memastikan pelaksanaan program adalah selaras di semua peringkat. Penghasilan Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dan Matematik Program Pemulihan Khas merupakan satu langkah proaktif yang diambil oleh Bahagian Pendidikan Khas dalam memastikan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas selaras dengan perkembangan pendidikan di Malaysia.

Buku panduan ini dihasilkan berasaskan kepada kemahiran-kemahiran pemulihan khas, diselaraskan dengan sukatan pelajaran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu dan Matematik Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3 KSSR Semakan 2017. Dokumen ini juga diselaraskan dengan format standard penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dengan mengambil kira kesesuaian keperluan di semua peringkat demografi guru serta pusat latihan guru.

Justeru Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dan Matematik Program Pemulihan Khas merupakan bahan rujukan penting dalam merancang pengajaran guru dan

pembelajaran murid dengan mengambil kira tahap perbezaan aras pengetahuan dan kemahiran murid.

Saya berharap agar buku panduan ini dapat membantu guru serta memperbaiki kualiti pengajaran dan pemudahcaraan, khususnya Guru Pemulihan Khas dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran secara lebih berkesan, selaras dan terarah. Saya juga amat terharu atas usaha guru-guru yang terlibat menerbitkan buku panduan ini yang mana ianya sangat memerlukan komitmen, kesungguhan, kesabaran yang amat tinggi sejak 2016.

Setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada panel yang terlibat sehingga berjaya menerbitkan buku panduan ini. Semoga segala usaha dan pengorbanan kita selama ini, mampu mencapai matlamat memastikan semua murid pemulihan khas menguasai kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai salah satu agenda nasional yang dihasratkan.

Sekian, terima kasih.

Suhaimee bin Sulaiman
Ketua Unit Pengurusan Program Pemulihan Khas
Bahagian Pendidikan Khas,
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Kementerian Pendidikan telah mengumumkan 3 hala tuju utama dalam sektor pendidikan menerusi Amanat Menteri Pendidikan 2019: Pendidikan Untuk Semua Tanggungjawab Semua. Ini adalah merupakan garapan utama dalam mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020. Penetapan hala tuju pendidikan berteraskan nilai (values-driven education) adalah sangat tepat dalam usaha menjadikan cinta sebagai teras pendidikan. Di antara nilai berkenaan, tumpuan utama harus diberikan kepada tiga nilai dan budaya teras iaitu cinta atau kasih sayang (love), kegembiraan atau kebahagiaan (happiness) dan saling menghormati (mutual respect).

Program Pemulihan Khas telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia semenjak tahun 1960an adalah merupakan suatu program yang menjurus kepada hala tuju pertama berteraskan kepada 3 nilai. Program ini dilaksanakan untuk membantu murid-murid di sekolah rendah yang menghadapi masalah pembelajaran, iaitu tidak menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Bagi menyahut aspirasi pendidikan terkini serta memacu kemenjadian murid, satu M (manusiawi) telah diperkenalkan oleh YB Menteri Pendidikan menjadikan 4M: membaca, menulis, mengira dan manusiawi.

Guru pemulihan mengalas tanggungjawab yang berat untuk membantu murid-murid ini mencapai potensi diri dan akhirnya menguasai asas kemahiran 4M. Guru yang baik, sentiasa mempelajari dan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik

pengajaran yang bersesuaian dengan murid, untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran.

Buku panduan ini mengandungi 32 kemahiran pemulihan yang perlu dikuasai oleh murid pemulihan. Ia juga merangkumi objektif yang perlu dicapai selepas proses pengajaran dan pembelajaran. Cadangan aktiviti dalam buku ini adalah sebagai panduan, agar dapat membantu guru pemulihan merancang pengajaran yang bersesuaian dengan kepelbagaiannya aras penguasaan murid pemulihan.

Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Pemulihan Khas (Tahun 2019) ini, diharapkan dapat memberikan manfaat kepada guru pemulihan. Semoga masalah pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid dapat dikesan dan ditangani seawal mungkin, selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melahirkan modal insan yang cemerlang.

MATLAMAT

Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu ini disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran asas 4M (membaca, menulis, mengira dan manusiawi) yang belum dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan.

OBJEKTIF


Adalah diharap, setelah mengikuti program ini, murid dapat:

1. menguasai kemahiran asas 4M (membaca, menulis, mengira dan manusiawi);
2. meneruskan pembelajaran di kelas biasa; dan
3. membina keyakinan diri dan bersikap positif terhadap pembelajaran.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina berdasarkan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif.

Kesepadanuan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1. Kurikulum Bahasa Melayu digubal berdasarkan enam tunjang kerangka KSSR.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah

FOKUS

Pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi (konsep kembali kepada asas) dan aplikasi bahasa. Kemahiran asas literasi memberi penekanan kepada murid-murid Tahap I (Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3) untuk menguasai sepenuhnya asas kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta dilaksana sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara terancang.

Pada Tahap II (Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6) pula, pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu memberi penekanan kepada pengukuhan literasi dan aplikasi kemahiran bahasa supaya mereka lebih berketerampilan berbahasa dalam bentuk lisan dan bertulis.

Melalui penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan, manakala melalui kemahiran membaca, murid dapat meningkatkan kosa kata, memperoleh dan memproses maklumat serta dapat memupuk minat membaca. Penguasaan kemahiran menulis pula, murid dapat mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan bagi menyampaikan idea mereka.

Fokus juga diberikan dalam penguasaan tatabahasa yang baik bagi membantu murid berkomunikasi dengan menggunakan sistem bahasa yang betul dan menghasilkan penulisan yang berkualiti dan kreatif. Manakala dalam aspek Seni Bahasa pula, murid dapat mengapreiasikan keindahan bahasa Melayu melalui pelbagai teknik kemahiran bahasa yang santai dan menyeronokkan.

Penekanan aktiviti PdP dan penggunaan pelbagai bahan yang menarik secara didik hibur bagi semua kemahiran dan aspek ini dapat membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang menguasai Kemahiran Abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad Ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1, supaya berupaya bersaing pada peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad ke-21 dalam kalangan murid.

DEFINISI PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika.

Pembelajaran Abad ke-21 bukan setakat merujuk kepada penggunaan gajet, perkakasan dan perisian terkini teknologi ICT di dalam bilik darjah.

Pembelajaran Abad ke-21 bermaksud guru menggunakan kaedah PdP berpusatkan murid (student - centred) serta menekankan elemen membina Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam diri murid.

Tan Sri Dr. Khair Mohamad Yusof,
Mantan KPPM



Komunikasi

Berlaku interaksi antara guru - murid, murid-murid dan murid - bahan secara lisan dan bukan lisan bagi **menyampaikan ilmu yang mereka faham** dan **berkongsi pengetahuan** dengan rakan-rakan.

Komunikasi berkesan berlaku apabila;

- i. Murid dapat memerhati, mendengar dan memberi maklum balas dengan orang lain
- ii. Murid dapat menyusun pemikiran mereka secara logik dan menyatakannya secara jelas dan ringkas

Sumber
Penerangan Dasar Pendidikan 2018
Unit Komunikasi Korporat, KPM

- iii. Murid dapat memahami cara menyesuaikan mesej atau kaedah tertentu untuk menyampaikannya.
- iv. Murid yakin berinteraksi dengan rakan mereka semasa menyampaikan sebarang topik

Kolaboratif

Berlaku kerjasama dan muafakat antara guru-murid dan murid-murid secara aktif dan menyeluruh yang membolehkan pertukaran idea dan pandangan antara murid.

Kolaboratif yang mantap berlaku apabila;

- i. Bekerjasama
 - a. Murid dari pelbagai kebolehan bekerjasama untuk mencapai matlamat yang sama.
- ii. Tanggungjawab Bersama
 - a. Murid bertanggungjawab terhadap tugas dan menghargai sumbangan dan idea.
- iii. Pelibatan Seimbang
 - a. Murid dilibatkan secara seimbang dalam kumpulan melalui pembahagian tugas.
- iv. Bertolak Ansur
 - a. Murid dapat menerima dan menghormati pandangan orang lain.

Pemikiran Kritis

Berlaku penerokaan pemikiran untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Pemikiran kritis berlaku apabila;

- i. Bermaklumat
 - a. Murid memiliki maklumat mengenai pelbagai perkara / bidang
- ii. Sikap Ingin Tahu
 - a. Murid meneroka sesuatu bidang ilmu dengan pembacaan, penyoalan dan melakukan aktiviti secara *hands-on*.
- iii. Membuat Keputusan Yang Berasas
 - a. Murid membuat keputusan berdasarkan maklumat dan pertahankan keputusan dengan bukti.
- iv. Pemikiran Terbuka
 - a. Murid berfikiran terbuka, menerima pandangan orang lain dan merendah diri.

Kreativiti

Berlaku proses penjanaan idea yang menghasilkan inovasi bahan, aktiviti dan projek yang baharu, unik, berguna dan berkualiti.

Kreativiti berlaku apabila;

- i. Pemikiran Terbuka
 - a. Murid melihat situasi sedia ada dari pelbagai sudut untuk menjana idea dan melakukan sesuatu dengan cara yang berbeza
- ii. Pemikiran Membina
 - a. Murid menghasilkan idea-idea baharu dalam konteks tertentu dan menjana hasil yang positif.

- iii. Berani Mengambil Risiko
 - a. Murid berani mencuba dan diberikan galakan tanpa berasa bimbang dengan kritikan.
- iv. Berpandangan Jauh
 - a. Murid mempunyai hala tuju yang jelas dan berimaginasi secara asli serta tidak mengikut kelaziman.

Nilai Murni Dan Etika

Penerapan dan pemupukan nilai murni dan etika ke arah pembentukan jati diri nasional mengikut acuan Malaysia.

Nilai Murni dan Etika berlaku apabila;

- i. Penerapan Nilai Yang Bersesuaian
 - a. Murid diterapkan nilai yang bersesuaian semasa sesi PdP.
- ii. Penghayatan Dan Amalan
 - a. Murid perlu menzahirkan amalan nilai murni dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
- iii. Penghargaan
 - a. Guru memberi penghargaan kepada murid dan memberi penghargaan sesama rakan.
- iv. Galakan Dan Promosi
 - a. Guru mengadakan program untuk menggalakkan penghayatan dan amalan nilai murni.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam mencapai hasrat dan matlamat KSSR, strategi PdP Bahasa Melayu menggunakan pelbagai prinsip, teknik dan pendekatan untuk memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Konsep 5P

Strategi PdP Bahasa Melayu menekankan konsep 5P iaitu penggabungjalinan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Ini selaras dengan usaha memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Konsep 5P merupakan asas dalam proses PdP dalam KBSR. Melalui konsep ini, murid dapat menyesuaikan maklumat dalam rangsangan serta menghasilkan satu pelajaran yang bersepadu dan menyeluruh seterusnya akan mengelakkan murid daripada berasa bosan sepanjang proses PdP dijalankan. Kemahiran bahasa dapat digabungjalinkan, sama ada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, aspek seni bahasa dan tatabahasa yang terdapat dalam standard kandungan.

Selain itu, dalam PdP Bahasa Melayu juga, unsur ilmu, nilai murni dan kemahiran bernilai tambah boleh diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin daripada mata pelajaran lain, nilai murni masyarakat Malaysia serta kemahiran berfikir, kemahiran menaakul dan kemahiran bahasa membolehkan murid

menguasai kemahiran secara bersepadu menerusi pengalaman pembelajaran bahasa.

Penilaian yang dijalankan secara berterusan dalam proses PdP merupakan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif PdP. Melalui proses penilaian ini segala kelemahan dapat dikenal pasti dan jenis tindakan susulan dapat diambil terhadap seseorang murid sama ada berbentuk pemulihan atau pengayaan.

Bagi memastikan semua murid menguasai kemahiran bahasa, aktiviti pemulihan dalam PdP harus disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran bahasa yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan yang disediakan digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan aktiviti ini adalah mengikut kemampuan murid untuk menguasai sesuatu kemahiran.

Aktiviti pengayaan dalam PdP pula disediakan untuk memantapkan kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid. Murid diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan dan aktiviti diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

Pendekatan Modular

Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil iaitu dalam bentuk bidang, tajuk, kemahiran atau nilai. Kurikulum Bahasa Melayu distrukturkan kepada empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Aspek seni bahasa dan tatabahasa menyokong kemahiran tersebut untuk mengukuhkan kecekapan keterampilan berbahasa. Melalui pendekatan ini, setiap kemahiran dapat dilaksanakan dengan lebih berfokus dan mudah dikuasai oleh murid. Pendekatan modular juga boleh dilaksanakan secara berurutan (linear) atau tidak berurutan (non-linear). Walau bagaimanapun, pendekatan modular dilaksanakan secara berpusatkan murid dan berfokus iaitu guru akan mengajar hanya satu kemahiran dalam satu sesi PdP di dalam bilik darjah. Pentaksiran dalam pendekatan modular dijalankan secara berterusan iaitu secara formatif dan sumatif untuk mengukur perkembangan murid.

Pendekatan Didik Hibur

Pendekatan didik hibur merupakan satu pendekatan dalam PdP yang menekankan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan secara terancang. Unsur keseronokan akan wujud melalui pembelajaran yang santai, menarik, menghibur bermakna dan memikat yang dapat membantu memperkuuh pemahaman dan mendorong murid untuk belajar. Didik hibur dilaksanakan mengikut konteks isi kandungan mata pelajaran serta menggunakan kepelbagaiannya strategi serta bahan pengajaran dan

pembelajaran yang dapat menimbulkan cabaran rasa ingin tahu, kawalan, fantasi, kerjasama, persaingan sihat dan pengiktirafan. Pendekatan ini dilaksanakan merentas kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa.

Pendekatan Tematik

Pendekatan tematik ialah satu pendekatan PdP yang akan diajarkan melalui topik atau tema yang dipilih bersesuaian dengan masa, tempat dan minat bagi menggerakkan sesuatu proses PdP. Tema yang dipilih menjadi wahana dan medium kepada memperoleh pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diterjemahkan dalam pengajaran bahasa melalui kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis. Kecekapan berbahasa seperti kemahiran bahasa, seni bahasa, tatabahasa serta pengembangan kosa kata dan peribahasa dapat dikukuhkan. Di samping itu, melalui pendekatan bertema, ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin ilmu lain lebih mudah diserapkan. Bagi tujuan ini, perancangan dan penentuan tema pengajaran meliputi pelbagai bidang ilmu seperti ilmu teknologi maklumat dan komunikasi, hal persendirian, isu kemasyarakatan dan perpaduan, menghargai warisan, kelestarian alam serta mencungkil daya kreativiti dan inovasi dalam diri murid serta isu-isu semasa.

Cakupan tema yang ditekankan adalah seperti yang berikut:

1. Kekeluargaan

Tema kekeluargaan merangkumi hubungan sesuatu keluarga. Tema ini melibatkan keluarga asas, dan keluarga kembangan. Tema ini diajarkan kepada murid sekolah rendah agar menghargai, menghormati serta mewujudkan hubungan erat sesama ahli keluarga ke arah memupuk perpaduan kaum. Murid didedahkan kehidupan keluarga yang berbeza daripada keluarga lain yang terdiri daripada pelbagai kaum.

2. Kemasyarakatan

Tema ini merujuk tanggungjawab individu dan kumpulan dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian dan kerukunan hidup bermasyarakat. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid sekolah rendah agar dapat melahirkan masyarakat yang berakhhlak mulia, bertoleransi, hormat-menghormati, bekerjasama, bertanggungjawab serta menerima perbezaan antara budaya.

3. Kesihatan dan kebersihan

Tema kesihatan dan kebersihan, merujuk kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial. Tema ini diajarkan kepada murid sekolah rendah agar mendapat pendedahan awal berkaitan penjagaan kebersihan dan kesihatan, serta amalan gaya hidup sihat.

4. Keselamatan

Tema keselamatan merujuk keupayaan murid melindungi diri daripada bahaya ketika berada dalam pelbagai persekitaran. Tema ini diajarkan kepada murid supaya dapat memberi kesedaran agar mengutamakan keselamatan.

5. Perpaduan

Tema ini meliputi elemen silang budaya iaitu memahami perbezaan cara hidup, saling menghormati kepercayaan agama dan adat resam, saling mempercayai serta menghargai persamaan dan menerima perbezaan antara kaum. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid untuk mewujudkan hubungan erat dan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang kaum demi perpaduan dan kesejahteraan negara.

6. Kebudayaan, Kesenian dan Estetika

Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merangkumi elemen silang budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat dan budaya. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar kehalusan seni budaya ini dapat difahami dan dihayati oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.

7. Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan

Tema jati diri memupuk keperibadian insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial. Patriotisme membentuk semangat juang, kecintaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa negara yang merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid untuk melahirkan masyarakat madani yang mempunyai semangat kekitaan dan sepunya, sanggup mempertahankan dan mengharumkan negara serta setia kepada negara.

8. Sains, Teknologi dan Inovasi

Tema sains teknologi dan inovasi merujuk ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang baharu. Tema ini diajarkan kepada murid agar dapat melahirkan insan yang berupaya menjana idea untuk menghasilkan sesuatu yang berinovasi.

9. Kelestarian Alam

Tema ini memupuk pengetahuan dan kesedaran terhadap alam sekitar dan kelestarian global dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam dan kesejahteraan kehidupan. Tema ini sesuai diajarkan agar murid cinta dan prihatin serta bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar dan teknologi hijau.

10. Pertanian dan Penternakan

Tema pertanian dan penternakan memberi murid pendedahan perihal asas pertanian dan penternakan secara tradisional dan moden. Murid juga didedahkan tentang kepentingan bidang bioteknologi pertanian, penternakan, dan keusahawanan tani.

11. Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Tema ekonomi memberi murid pendedahan perihal bidang perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan dan pengurusan perdagangan, manakala pengurusan kewangan pula menekankan tentang tanggungjawab dalam menguruskan kewangan dengan bijak. Tema ini dapat memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang ekonomi, membudayakan sikap keusahawanan dan celik kewangan dalam kehidupan.

12. Integriti

Tema integriti merujuk prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan moral yang tinggi, keselarasan antara tindakan dengan nilai murni, etika dan undang-undang serta keselarasan antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Tema ini dapat memupuk kesedaran murid untuk bertindak mengikut lunas-lunas agama dan undang-undang negara agar menjadi warganegara yang bermoral dan bertamadun demi kesejahteraan negara.

Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah ialah aktiviti PdP yang melibatkan masalah berbentuk perkataan, masalah bukan mekanis, teka teki, kuiz atau penggunaan kemahiran matematik dalam situasi sebenar. Murid perlu menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah mereka pelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Kaedah ini menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid-murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersemprehankan dapatannya. Hal ini juga dapat membantu guru menilai perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk.

Pembelajaran Berasaskan Inkuiri

Pembelajaran berasaskan inkuiri merupakan pendekatan PdP yang berpusatkan murid secara menyeluruh. Murid mencari dan menyelidiki sesuatu perkara atau peristiwa secara sistematik, kritis dan analitis sehingga dapat merumuskan jawapan kepada persoalan atau penemuannya sendiri dengan

yakin. Guru berperanan sebagai fasilitator untuk membimbing proses penerokaan dan refleksi misalnya melalui aktiviti soal jawab. Ciri – ciri pembelajaran inkuiri berfokus pada hipotesis yang hendak diuji, sikap keterbukaan, penggunaan dan pengesahan fakta atau bukti dan rumusan.

Pembelajaran Koperatif

Kaedah PdP pembelajaran koperatif dilaksanakan dalam kumpulan yang membolehkan murid belajar bersama-sama, saling belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Ahli kumpulan bekerja, berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Pembelajaran koperatif ini dapat menghasilkan satu tugas kumpulan, di samping mewujudkan interaksi antara murid, kerjasama dan semangat berpasukan yang kuat.

Pembelajaran Berpusatkan Murid

Strategi PdP dalam mata pelajaran Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa.

Kepelbagai Sumber dan Bahan

Penggunaan pelbagai sumber dan bahan amat digalakkan dalam PdP Bahasa Melayu. Bahan berunsur ilmu, separa ilmiah dan bahan sastera hendaklah digunakan dalam PdP bagi bacaan intensif dan ekstensif. Kepelbagai sumber merujuk penggunaan sumber pertama, sumber cetak, sumber elektronik, digital dan internet serta bahan yang autentik seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, glosari dan sebagainya.

Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai

Pembelajaran Kecerdasan pelbagai dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza. Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal linguistik, logik matematik, muzik, kinestetik, visual ruang, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanannya pembelajaran dalam kehidupan mereka.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Pembelajaran luar bilik darjah ialah aktiviti kurikulum yang dilaksanakan di luar bilik darjah secara terancang dan berstruktur serta berpusatkan murid. Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari semasa di dalam bilik darjah, memberi pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan.

Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan berkeupayaan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa ini dan masa depan. Hal ini bermakna, murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat serta menangani perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum.

Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran Akses Kendiri ialah satu program yang membolehkan murid belajar secara kendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Murid diberi peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan mereka sendiri agar mereka bertanggungjawab dan berdikari terhadap pembelajaran mereka.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran ini memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran dalam sesuatu unit sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain. Pembelajaran ini dipecahkan kepada unit yang lebih kecil untuk mudah dikuasai. Murid mesti menguasai 80 peratus aras masteri sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang baharu.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses PdP selain yang ditetapkan dalam SK dan SP. Elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- i. Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.
- ii. Semasa PdP bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- i. Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui PdP semua mata pelajaran.
- ii. Pengetahuan dan kesedaran terhadap alam sekitar dan kelestarian global penting dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam dan kehidupan.

3. Nilai Murni

- i. Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- ii. Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan kebangsaan dan global yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains dan Teknologi

- i. Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- ii. Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- iii. Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam PdP merangkumi empat perkara iaitu:
 - a) Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi).
 - b) Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu)
 - c) Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan).
 - d) Penggunaan teknologi dalam aktiviti PdP.

5. Patriotisme

- i. Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kurikulum dan khidmat masyarakat.
- ii. Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti dan Inovasi

- i. Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- ii. Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suai, membaiki dan mempraktikkan idea.
- iii. Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- iv. Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam PdP.

7. Keusahawanan

- i. Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- ii. Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

- i. Penerapan elemen TMK dalam PdP memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- ii. Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan PdP lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- iii. TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

9. Kelestarian Global

- i. Elemen Kelestarian Global bermatlamat melahirkan murid berdaya fikir lestari yang bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan harian dengan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperolehi melalui elemen Penggunaan dan Pengeluaran Lestari, Kewarganegaraan Global dan Perpaduan.
- ii. Elemen Kelestarian Global penting dalam menyediakan murid bagi menghadapi cabaran dan isu semasa peringkat tempatan, negara dan global.
- iii. Elemen ini diajar secara langsung dan secara sisipan dalam mata pelajaran yang berkaitan.

10. Pendidikan Kewangan

- i. Penerapan elemen Pendidikan Kewangan bertujuan membentuk generasi masa hadapan yang berkeupayaan membuat keputusan kewangan yang bijak, mengamalkan pengurusan kewangan yang beretika serta berkemahiran menguruskan hal ehwal kewangan secara bertanggungjawab.
- ii. Elemen Pendidikan Kewangan boleh diterapkan dalam PdP secara langsung ataupun secara sisipan. Penerapan secara langsung adalah melalui tajuk seperti wang yang mengandungi elemen kewangan secara eksplisit seperti pengiraan faedah mudah dan faedah kompaun. Penerapan secara sisipan pula diintegrasikan melalui tajuk-tajuk lain merentas kurikulum. Pendedahan kepada pengurusan kewangan dalam kehidupan sebenar adalah penting bagi menyediakan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dapat diaplikasikan secara berkesan dan bermakna.

KEMAHIRAN PEMULIHAN

Bil	Kemahiran
-	Prabacaan dan Pratulisan
1	Huruf-huruf vokal
2	Huruf-huruf kecil
3	Huruf-huruf besar
4	Suku kata KV
5	Perkataan KV + KV
6	Perkataan V + KV
7	Perkataan KV + KV + KV
8	Perkataan KVK
9	Suku kata KVK
10	Perkataan V + KVK
11	Perkataan KV + KVK
12	Perkataan KVK + KV
13	Perkataan KVK + KVK
14	Perkataan KV + KV + KVK
15	Perkataan KVK + KV+ KVK
16	Perkataan KVKK

Bil	Kemahiran
17	Suku kata KVKK
18	Perkataan KV + KVKK
19	Perkataan V + KVKK
20	Perkataan KVK + KVKK
21	Perkataan KVKK + KV
22	Perkataan KVKK + KVK
23	Perkataan KVKK + KVKK
24	Perkataan KV + KV + KVKK
25	Perkataan KV + KVK + KVKK
26	Perkataan KVK + KV + KVKK
27	Perkataan KVKK + KV + KVK
28	Perkataan KV + KVKK + KVK
29	Perkataan yang melibatkan diftong dan vokal berganding
30	Perkataan yang melibatkan huruf konsonan bergabung (digraf)
31	Membaca dan membina ayat mudah
32	Bacaan dan pemahaman

PEMETAAN BAHASA MELAYU

PEMETAAN KEMAHIRAN PEMULIHAN BAHASA MELAYU

PENGUMPULAN KEMAHIRAN PEMULIHAN MENGIKUT STRUKTUR BAHASA		
STRUKTUR BAHASA	KEMAHIRAN PEMULIHAN	
Prabacaan dan Pratulis	KP - Prabacaan dan Pratulisan	
Abjad	KP 1 - Huruf-huruf vokal KP 2 - Huruf-huruf kecil KP 3 - Huruf-huruf besar	
Suku Kata	KP 4 - Suku kata KV KP 9 - Suku kata KVK KP 17 - Suku Kata KVKK	
Perkataan	KP 5 - Perkataan KV + KV KP 6 - Perkataan V + KV KP 7 - Perkataan KV + KV + KV KP 8 - Perkataan KVK KP 10 - Perkataan V + KVK KP 11 - Perkataan KV + KVK KP 12 - Perkataan KVK+KV KP 13 - Perkataan KVK + KVK KP 14 - Perkataan KV + KV + KVK KP 15 - Perkataan KVK + KV + KV KP 16 - Perkataan KVKK KP 18 - Perkataan KV + KVKK KP 19 - Perkataan V + KVKK	KP 20 - Perkataan KVK + KVKK KP 21 - Perkataan KVKK + KV KP 22 - Perkataan KVKK+KVK KP 23 - Perkataan KVKK + KVKK KP 24 - Perkataan KV + KV + KVKK KP 25 - Perkataan KV + KVK + KVKK KP 26 - Perkataan KVK + KV + KVKK KP 27 - Perkataan KVKK + KV + KVK KP 28 - Perkataan KV + KVKK + KVK KP 29 - Perkataan yang melibatkan diftong dan vokal berganding KP 30 - Perkataan yang melibatkan huruf konsonan bergabung (digraf)
Ayat	KP 31 - Membaca dan membina ayat mudah KP 32 - Bacaan dan Pemahaman	

KANDUNGAN PEMETAAN KEMAHIRAN BAHASA MELAYU

KEMAHIRAN PEMULIHAN (KP)	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN		
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
KP : Prabacaan dan Pratulisan	KSSR Semakan 2017 3.1 Asas Menulis	3.1.1 (i)		
Abjad KP 1 - Huruf-huruf vokal KP 2 - Huruf-huruf kecil KP 3 - Huruf-huruf besar	KSSR Semakan 2017 1.1 Mendengar dan memberikan respons 1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan 2.1 Asas membaca dan memahami 2.2 Membaca, memahami, dan menaakul bahan grafik dan bukan grafik 3.1 Asas menulis 4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera	1.1.1 (i), 1.1.1 (ii) 1.1.2 (i), 1.1.2 (ii), 1.1.2 (iii) 1.2.1, 1.2.2 2.1.1 (i), 2.1.1 (ii) 2.2.1 (i) 3.1.1 (i) 4.2.2 (i), 4.2.2 (ii)		
Suku Kata KP 4 - Suku kata KV KP 9 - Suku kata KV/K KP 17 - Suku Kata KV/KK	KSSR Semakan 2017 1.1 Mendengar dan memberikan respons 1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan 2.1 Asas membaca dan memahami 2.2 Membaca, memahami, dan menaakul bahan grafik dan bukan grafik 3.1 Asas menulis	1.1.1 (i), 1.1.1 (ii) 1.1.2 (i), 1.1.2 (ii), 1.1.2 (iii) 1.2.1, 1.2.2 2.1.1 (iii) 2.2.1 (i) 3.1.1 (ii)		

KEMAHIRAN PEMULIHAN (KP)	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN		
		1: Mendengar dan Bertutur	2: Membaca	3: Menulis
		4: Seni Bahasa	5: Tatabahasa	
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Suku Kata (Sambungan) KP 4 - Suku kata KV KP 9 - Suku kata KVK KP 17 - Suku Kata KVKK	KSSR Semakan 2017 4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.	4.2.2 (i), 4.2.2 (ii)		
Perkataan KP 5 - Perkataan KV + KV KP 6 - Perkataan V + KV KP 7 - Perkataan KV + KV + KV KP 8 - Perkataan KVK KP 10 - Perkataan V + KVK KP 11 - Perkataan KV + KVK KP 12 - Perkataan KVK+KV KP 13 - Perkataan KVK + KVK KP 14 - Perkataan KV + KV + KVK	KSSR Semakan 2017 1.1 Mendengar dan memberikan respons 1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan 2.1 Asas membaca dan memahami 2.2 Membaca, memahami, dan menaakul bahan grafik dan bukan grafik 2.3 Membaca dan mengapresiasi karya sastera dan bukan sastera 3.1 Asas menulis	1.1.1 (i), 1.1.1 (ii), 1.1.1 (iii), 1.1.1 (iv), 1.1.1 (v), 1.1.1 (vi) 1.1.2 (i), 1.1.2 (ii), 1.1.2 (iii), 1.1.2 (iv) 1.2.1 1.2.2 2.1.1 (iii), 2.1.1 (iv), 2.1.1 (v), 2.1.1 (vi) 2.1.2 (i), 2.1.2 (ii), 2.1.2 (iii) 2.2.1 (i), 2.2.1 (ii) 2.2.1 (iv). 2.3.1 (i), 2.3.1 (ii), 2.3.1 (iii), 2.3.1 (iv) 2.3.2 (i), 2.3.2 (ii), 2.3.2 (iv) 3.1.1 (ii), 3.1.1 (iii), 3.1.1 (iv), 3.1.1 (v)	1.1.1 (i), 1.1.1 (ii) 1.1.2 (i), 1.1.2 (ii), 1.1.2 (iii), 1.1.2 (iv) 1.2.1 1.2.3 2.1.1 (i), 2.1.1 (ii) 2.1.2 (i), 2.1.2 (ii) 2.2.1 (i), 2.2.1 (ii), 2.2.1 (iv). 2.3.1 (i), 2.3.1 (ii), 2.3.1 (iii), 2.3.1 (iv) 2.3.2 (i), 2.3.2 (ii), 2.3.2 (iv) 3.1.1 (i), 3.1.1 (ii), 3.1.1 (iii), 3.1.1 (iv)	1.1.1 (i), 1.1.1 (ii). 1.1.2 (i), 1.1.2 (ii) 1.2.1 1.2.3 2.1.1 (i), 2.1.1 (ii), 2.1.1 (iii) 2.1.2 (i), 2.1.2 (ii), 2.1.2 (iii) 2.2.1 (i), 2.2.1 (ii) 2.2.1 (iv). 2.3.1 (i), 2.3.1 (ii), 2.3.1 (iii), 2.3.1 (iv) 2.3.2 (i), 2.3.2 (ii), 2.3.2 (iv) 3.1.1 (i), 3.1.1 (ii), 3.1.1 (iii), 3.1.1 (iv)

KEMAHIRAN PEMULIHAN (KP)	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN		
		1: Mendengar dan Bertutur	2: Membaca	3: Menulis 4: Seni Bahasa
Perkataan (Sambungan) KP 15 – Perkataan KV + KV + KV KP 16 – Perkataan KVKK KP 18 – Perkataan KV + KVKK KP 19 – Perkataan V + KVKK KP 20 – Perkataan KV + KVKK KP 21 – Perkataan KVKK + KV KP 22 – Perkataan KVKK+KV KP 23 – Perkataan KVKK + KVKK KP 24 – Perkataan KV + KV + KVKK KP 25 – Perkataan KV + KV + KVKK KP 26 – Perkataan KV + KV + KVKK	3.2 Menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna	3.2.1 (i), 3.2.1 (ii), 3.2.1 (iii) 3.2.2 (i) 3.2.3 3.2.4 (i), 3.2.4 (ii), 3.2.4 (iii)	3.2.1 (i), 3.2.1 (ii), 3.2.1 (iii) 3.2.2 (i) 3.2.3 3.2.4 (i), 3.2.4 (ii), 3.2.4 (iii)	3.2.1 (i), 3.2.1 (ii) 3.2.2 (i) 3.2.3 3.2.4 (i)
	3.3 Menghasilkan penulisan	3.3.1 (i) 3.3.2 (i), 3.3.2 (ii)	3.3.1 (i) 3.3.2 (i), 3.3.2 (ii)	3.3.1 (i), 3.3.1 (ii) 3.3.2 (i)
	4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera	4.2.1 (i), 4.2.1 (ii) 4.2.2 (i), 4.2.2 (ii)	4.2.2 (i), 4.2.2 (ii)	4.2.1 4.2.2
	4.3 Menghasilkan bahan sastera dengan menyerapkan keindahan dan kesantunan bahasa serta mempersembahkannya secara kreatif			4.3.2 (i), 4.3.2 (ii) 4.3.3 (i), 4.3.3 (ii)

KEMAHIRAN PEMULIHAN (KP)	STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN		
		1: Mendengar dan Bertutur	2: Membaca	3: Menulis 4: Seni Bahasa
		Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3
Perkataan (Sambungan) KP 27 – Perkataan KVKK + KV + KVK KP 28 - Perkataan KV + KVKK + KVK KP 29 - Perkataan yang melibatkan diftong dan vokal berganding KP 30 - Perkataan yang melibatkan huruf konsonan bergabung (digraf)				
	UNIT / TAJUK 6: Sepakat Membawa Berkat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons terhadap pesanan. 2. Mengenal pasti isi tersurat. 3. Membina dan menulis ayat menjadi perenggan. 4. Menggunakan kata adjektif warna untuk melengkapkan cerita. 5. Menggunakan kata adjektif ukuran untuk melengkapkan cerita. 6. Menggunakan kata kerja aktif transitif dan kata kerja pasif untuk membina ayat. 7. Pengukuhan – Berikan respons denga betulnya. 8. Penilaian – Bina perenggan. 9. Bacaan Luas

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 2 Tema 3: Kebersihan dan Kesihatan	1. Berbual berdasarkan gambar.	
	UNIT / TAJUK 7: Kebersihan Bermula dari Rumah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar dan memberikan respons terhadap permintaan. 2. Menyatakan isi tersirat berdasarkan isi tersurat. 3. Menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dan bercapah. 4. Melafazkan dan mengenal pasti ciri-ciri pantun. 5. Menggunakan kata adjektif bentuk mengikut konteks untuk bercerita.
	UNIT / TAJUK 8: Jadikan Amalan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons dengan membuat tafsiran terhadap soalan bercapah. 2. Mengenal pasti idea utama. 3. Membina dan menulis jawapan pemahaman. 4. Mengenal pasti format penulisan pantun. 5. Menggunakan kata adjektif waktu untuk membina ayat. 6. Menggunakan kata hubung untuk membina ayat.
	UNIT / TAJUK 9: Aktifkan Diri	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons dengan membuat tafsiran terhadap pesanan. 2. Nyatakan idea sampingan berdasarkan idea utama. 3. Menyusun dan mencatat maklumat yang bermakna. 4. Membina ayat dengan menggunakan kata sendi nama mengikut konteks. 5. Melengkapkan teks dengan menggunakan kata arah mengikut konteks. 6. Membaca dan mengenal pasti kata sendi nama dan kata arah. 7. Pemulihan – Menjawab soalan pemahaman berdasarkan petikan. 8. Pengayaan – Menjawab soalan pemahaman berdasarkan rajah.

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 2 Tema 4: Kebudayaan Kita	1. Berbual berdasarkan gambar.	
	UNIT / TAJUK 10: Uniknya Budaya Kita	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan sesuatu perkara berdasarkan bahan. 2. Menyatakan idea keseluruhan teks. 3. Menulis perkataan dan frasa yang diimlak. 4. Menyanyikan lagu sambil melakukan aksi mengikut seni kata. 5. Menggunakan kata tanya untuk membina ayat.
	UNIT / TAJUK 11: Kesenian Dihargai	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan maklumat yang tersurat dan tersirat dengan idea yang kreatif dan kritis. 2. Menyatakan nilai berdasarkan seni kata lagu kanak-kanak. 3. Menulis ayat yang diimlakukan dengan ejaan yang betul. 4. Menggunakan kata perintah mengikut konteks. 5. Menggunakan kata kerja aktif transitif untuk melengkapkan teks.
	UNIT / TAJUK 12: Amalan Baik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyebut frasa dan ayat yang didengar dengan betulnya dan tepatnya. 2. Menyatakan nilai. 3. Menulis karangan secara separa terkawal. 4. Menggunakan kata seru dengan betulnya mengikut konteks. 5. Menggunakan kata seru dan kata perintah mengikut konteks. 6. Penilaian – A. Jelaskan maklumat berdasarkan bahan di bawah secara bertatasusila. B. Baca dan nyatakan idea keseluruhan yang sesuai dengan teks. 7. Bacaan Luas

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 2 Tema 5: Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan	1. Bercerita berdasarkan gambar.	
	UNIT / TAJUK 13: Bersikap Mulia	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons terhadap soalan. 2. Menyatakan nilai daripada pantun. 3. Menghasilkan penulisan bukan naratif secara separa terkawal. 4. Menggunakan kata dasar mengikut konteks.
	UNIT / TAJUK 14: Hidup Berbakti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons berdasarkan suruhan. 2. Menyatakan nilai daripada petikan. 3. Mengedit dan memurnikan teks dari aspek ejaan. 4. Menyanyikan lagu sambil melakukan aksi mengikut seni kata lagu. 5. Membina ayat dengan menggunakan kata tunggal mengikut konteks. 6. Menggunakan kata berimbuhuan awalan mengikut konteks.
	UNIT / TAJUK 15: Oh, Malaysiaku!	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons terhadap pesanan. 2. Mempersembahkan lagu kanak-kanak mengikut irama. 3. Memurnikan teks dari aspek tanda baca. 4. Mendeklamasikan sajak. 5. Menggunakan imbuhan akhiran mengikut konteks. 6. Menggunakan kata dasar, kata tunggal, imbuhan awalan dan imbuhan akhiran mengikut konteks.t 7. Pemulihan – Bina dua ayat berdasarkan gambar dan kata tunggal. 8. Pengayaan – Senaraikan imbuhan yang tersembunyi, kemudian lengkapkan karangan berdasarkan gambar.

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 2 Tema 6: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau	1. Bercerita berdasarkan gambar.	
	UNIT / TAJUK 16: Alamku Sayang	<ol style="list-style-type: none"> Memberikan respons terhadap permintaan. Mempersembahkan cerita dengan gaya menarik. Mengedit dan memurnikan teks dari aspek penggunaan kata. Mencipta pantun secara separa terkawal dan mempersembahkannya. Bercerita menggunakan kata majmuk mengikut konteks. Membina ayat dengan menggunakan kata ganda mengikut konteks.
	UNIT / TAJUK 17: Kebersihan Alam Tanggungjawab Bersama	<ol style="list-style-type: none"> Memberikan respons terhadap soalan bercapa. Mempersembahkan pantun dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. Membina dan menulis perenggan. Melengkapkan sajak dan mempersembahkannya secara kreatif. Membina ayat mengikut pola ayat. Membina ayat penyata berdasarkan bahan.
	UNIT / TAJUK 18: Mesrai Alam	<ol style="list-style-type: none"> Memberikan respons dengan membuat tafsiran terhadap pesanan. Mempersembahkan petikan bukan sastera dengan gaya yang menarik. Menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dan soalan bercapa. Membina ayat tanya dengan kata tanya mengikut konteks. Pengayaan – A. Betulkan kesalahan penggunaan kata yang dicetak berwarna dalam petikan di bawah. Penilaian – A. Dengar dan berikan respons. B. Baca, faham dan persembahkan cerita di bawah dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. Pengukuhana – Baca dan fahami teks, kemudian jawab soalan di bawah. Bacaan Luas.

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 2 Tema 7: Pertanian dan Penternakan	1. Bercerita berdasarkan gambar.	
	UNIT / TAJUK 19: Hargailah Pokok	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan sesuatu perkara secara bertatasusila. 2. Mengenal pasti kosa kata. 3. Mencatat maklumat. 4. Mempersempahkan cerita. 5. Menggunakan ayat perintah untuk melengkapkan dialog.
	UNIT / TAJUK 20: Ternakan yang Berfaedah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan maklumat yang tersurat dan tersirat. 2. Mengenal pasti isi tersurat dan isi tersirat. 3. Menulis perkataan, frasa dan ayat yang diimlak. 4. Mempersempahkan cerita jenaka. 5. Menggunakan ayat dasar mengikut konteks. 6. Menggunakan ayat tunggal mengikut konteks.
	UNIT / TAJUK 21: Rajin dan Usaha Tangga Kejayaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons terhadap soalan bercaphap. 2. Mengenal pasti idea utama dan idea sampingan. 3. Menghasilkan penulisan naratif secara separa terkawal. 4. Membina ayat majmuk berdasarkan gambar. 5. Menggunakan kata kerja aktif transitif untuk membina ayat. 6. Membina ayat tunggal dan ayat majmuk berdasarkan gambar. 7. Pemulihan – Bina ayat tunggal 8. Pengayaan – Bina ayat tunggal dan ayat majmuk berdasarkan gambar mengikut urutan nombor.

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 2 Tema 8: Integriti	1. Bersoal jawab berdasarkan gambar.	
	UNIT / TAJUK 22: Anak yang Baik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar, mengecam dan menyebut ayat majmuk. 2. Menyatakan idea keseluruhan berdasarkan bahan. 3. Mencatat maklumat. 4. Menyanyi dan mempersembahkan lagu. 5. Menggunakan kata majmuk untuk membina perenggan mengikut konteks.
	UNIT / TAJUK 23: Amalan Baik di Sekolah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bertutur untuk menjelaskan sesuatu perkara secara bertatasusila. 2. Menyatakan nilai daripada lagu. 3. Mengedit dan memurnikan teks dari aspek penggunaan kata. 4. Menyanyi sambil bertepuk tangan mengikut rentak lagu. 5. Bercerita berdasarkan gambar dengan menggunakan kata ganda mengikut konteks. 6. Membina ayat penyata.
	UNIT / TAJUK 24: Berbuat Baik Selalu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bertutur dan menjelaskan maklumat yang tersurat dan tersirat. 2. Membaca dan mempersembahkan karya bukan sastera dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. 3. Mengedit dan memurnikan teks dari aspek ejaan, tanda baca dan penggunaan kata yang betul. 4. Membina perenggan dengan menggunakan ayat tunggal dan ayat majmuk mengikut konteks. 5. Membina karangan dengan menggunakan kata ganda mengikut konteks. 6. Membina karangan dengan menggunakan ayat penyata mengikut konteks. 7. Pengukuhan – A. Tulis karangan aratif berpandukan gambar dan frasa. B. Senaraikan ayat tunggal dan ayat majmuk yang terdapat dalam karangan kamu. 8. Penilaian - A. Baca dan nyatakan idea keseluruhan. B. Berdasarkan petikan di bawah, kenal pasti kata ganda dan kata majmuk, kemudian bina ayat. 9. Bacaan Luas

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 3	1. Bercerita berdasarkan gambar.	
Tema 1: Kekeluargaan	UNIT / TAJUK 1: Keluarga Cergas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar dan menyebut ayat tunggal. 2. Membaca ayat tunggal dan ayat majmuk dengan sebutan dan intonasi yang betul. 3. Menulis huruf dengan menggunakan tulisan berangkai. 4. Bercerita dengan menggunakan simpulan bahasa. 5. Mengenal pasti dan membina ayat menggunakan kata nama am dan kata nama khas dalam bahan.
	UNIT / TAJUK 2: Kejayaan Keluarga	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar dan menyebut ayat majmuk. 2. Membaca teks dalam setiap perenggan. 3. Menulis ayat berdasarkan frasa dan gambar. 4. Bercerita menggunakan simpulan bahasa. 5. Menggunakan kata ganti nama untuk melengkapkan dialog. 6. Mengenal pasti penjodoh bilangan yang terdapat dalam bahan.
	UNIT / TAJUK 3: Kenangan Manis	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar dan mengenal pasti ayat tunggal dan ayat majmuk. 2. Membaca petikan berita dengan sebutan yang betul. 3. Membina dan menulis perenggan dalam buku tulis. 4. Membina ayat menggunakan kata kerja aktif transitif dan kata kerja aktif tak transitif berdasarkan gambar. 5. Membina ayat menggunakan kata kerja pasif berdasarkan gambar. 6. Pemulihan – Membaca teks dengan sebutan yang betul. 7. Pengayaan – Kenal pasti dan bina ayat menggunakan kata nama am dan kata nama khas dalam teka silang kata.

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 3 Tema 2: Kesihatan dan Kebersihan	1. Berbincang tentang gambar.	
	UNIT / TAJUK 4: Keluarga Cergas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar dan memberikan respons. 2. Membaca teks yang mengandungi pelbagai jenis ayat. 3. Membina dan menulis ayat berdasarkan gambar. 4. Menggunakan kata adjektif jarak mengikut konteks. 5. Menggunakan kata adjektif perasaan mengikut konteks.
	UNIT / TAJUK 5: Kebersihan Tanggungjawab Bersama	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar, memahami dan memberi respons. 2. Membaca petikan dan memahami maklumat dalam setiap perenggan. 3. Menulis perenggan berpandukan bahan. 4. Bercerita menggunakan bandingan semacam. 5. Membina ayat menggunakan kata adjektif pancaindera. 6. Menggunakan kata hubung mengikut konteks.
	UNIT / TAJUK 6: Minda Positif Badan Aktif	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons terhadap soalan bertumpu. 2. Membaca petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. 3. Menghasilkan jawapan pemahaman. 4. Menggunakan kata sendi nama mengikut konteks. 5. Menggunakan kata arah mengikut konteks. 6. Penilaian – A. Berikan respons yang sesuai. Kemudian, ujarkan. B. Isi tempat kosong dengan kata hubung dan kata sendi nama yang betul. 7. Bacaan Luas.

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 3 Tema 3: Keselamatan	1. Berikan pendapat tentang maklumat dalam poster.	
	UNIT / TAJUK 7: Keselamatan di Rumah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar dan memberikan respons terhadap soalan bercapha. 2. Membaca dan mengenal pasti maksud kosa kata. 3. Menghasilkan jawapan pemahaman. 4. Bercerita dengan menggunakan perumpamaan. 5. Menggunakan kata tanya dengan betulnya.
	UNIT / TAJUK 8: Rekreasi Selamat	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bertutur untuk menjelaskan dan menilai sesuatu perkara secara bertatasusila. 2. Mengenal pasti idea utama dan idea sampingan. 3. Membanding beza dan mencatat maklumat. 4. Membaca dan melengkapkan teks dengan kata perintah. 5. Menggunakan kata seru untuk melengkapkan teks.
	UNIT / TAJUK 9: Alatan Keselamatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membanding beza dan menjelaskan maklumat. 2. Menyatakan idea keseluruhan teks. 3. Menulis ayat yang diimlak. 4. Melafazkan dan menjelaskan maksud pantun. 5. Menggunakan kata pemerl yang sesuai. 6. Menggunakan kata penguat yang sesuai dalam ayat. 7. Pemulihan – Baca teks dan cari maksud perkataan. 8. Pengayaan – Bina dialog dan lakonkan.

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 3	1. Melafazkan pantun.	
Tema 4: Perpaduan	UNIT / TAJUK 10: Toleransi Kukuhkan Perpaduan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bersoal jawab berdasarkan maklumat dalam poster. 2. Melengkapkan maklumat berdasarkan bahan. 3. Menghasilkan kerangka dan menulis karangan. 4. Menggunakan kata nafi mengikut konteks. 5. Membina ayat menggunakan kata bantu. 6. Membina ayat menggunakan kata bilangan berdasarkan gambar.
	UNIT / TAJUK 11: Hormat-Menghormati Budaya Kita	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons berdasarkan ayat suruhan dan ayat permintaan. 2. Menyatakan maklumat dalam manual laman aduan. 3. Menulis karangan berdasarkan kerangka. 4. Menyanyikan lagu dan menjelaskan maksud baris yang dicetak berwarna merah dalam lirik lagu. 5. Membina ayat menggunakan kata dasar berdasarkan gambar Situasi 2. 6. Menggunakan kata berimbuhan awalan mengikut konteks.
	UNIT / TAJUK 12: Kerjasama Asas Kesejahteraan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons terhadap ayat silaan dan ayat larangan. 2. Menerangkan kandungan dan mengaitkannya dengan maksud perkataan. 3. Menulis perkataan yang dicetak berwarna dengan tulisan berangkai. 4. Menggunakan kata berimbuhan akhiran berdasarkan konteks. 5. Mengenal pasti dan membina ayat menggunakan kata majmuk berdasarkan bahan. 6. Pengukuhan – Perbincangan berdasarkan petikan. Membentangkan hasil perbincangan 7. Penilaian – Murid menulis karangan berdasarkan gambar dan frasa. 8. Bacaan Luas.

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 3 Tema 5: Kebudayaan, Kesenian dan Estetika	1. Bersoal jawab tentang maklumat dalam peta bulatan.	
	UNIT / TAJUK 13: Kekalkan Warisan Kita	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mendengar dan memberikan respons terhadap soalan bertumpu. 2. Mengenal pasti dan menyatakan maksud pantun. 3. Menulis frasa dengan menggunakan tulisan berangkai. 4. Menggunakan kata ganda penuh untuk melengkapkan teks.
	UNIT / TAJUK 14: Kenali Kesenian Kita	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons terhadap soalan bercapaah. 2. Membaca label dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. 3. Mengedit kesalahan ejaan, tanda baca dan imbuhan. 4. Melagukan syair dan menyatakan maksud. 5. Menggunakan kata ganda separa. 6. Membina ayat menggunakan kata ganda berentak.
	UNIT / TAJUK 15: Indahnya Seni dan Budaya Kita	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan bahan secara bertatasusila. 2. Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. 3. Mengedit dan memurnikan teks dari aspek penggunaan kata. 4. Membina ayat seruan menggunakan kata seru. 5. Membina ayat perintah. 6. Membina ayat tanya dengan kata tanya. 7. Pemulihan – Senaraikan ejaan yang salah. Kemudian, betulkannya. 8. Pengayaan – Bina kerangka karangan. Kemudian, tulis karangan.

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 3 Tema 6: Kelestarian Alam	1. Membuat sumbang saran berdasarkan gambar.	
	UNIT / TAJUK 16: Pengurusan Sisa Pepejal	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menjelaskan dan membanding beza maklumat yang tersurat secara kritis dan kreatif. 2. Melakonkan cerita dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. 3. Mengedit dan memurnikan hasil penulisan dari aspek struktur ayat. 4. Mendeklamasi sajak dan menyatakan maksud sajak. 5. Membina ayat tanya tanpa kata tanya.
	UNIT / TAJUK 17: Sumbangan Kita	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bersoal jawab untuk mendapatkan maklumat dan menyampaikannya. 2. Membaca pantun dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. 3. Menulis jawapan pemahaman berdasarkan teks. 4. Membina ayat tunggal berpaduan gambar. 5. Membina ayat majmuk untuk melengkapkan cerita. 6. Menggunakan kata ganti nama mengikut konteks.
	UNIT / TAJUK 18: Tahukah Kamu?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bertutur dan memberikan respons terhadap suruhan dan permintaan. 2. Membaca dan mengenal pasti maksud kosa kata. 3. Menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan bercapah. 4. Melengkapkan pantun. 5. Menggunakan penjodoh bilangan untuk membina ayat. 6. Membina ayat menggunakan kata kerja aktif transitif dan kata kerja aktif tak transitif. 7. Menggunakan kata kerja pasif mengikut konteks.[8. Pengukuhan – Baca petikan. Kemudian, edit dan murnikan. Tulis jawapan dalam buku tulis. 9. Penilaian – A. Secara berpasangan, berbual tentang cara pembuatan bebola lumpur. B. Baca petikan dan cari maksud kosa kata. C. Jawab soalan pemahaman. D. Senaraikan kata kerja aktif transitif, kata kerja aktif tak transitif dan kata kerja pasif yang terdapat dalam teks. 10. Bacaan Luas

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 3 Tema 7: Pertanian dan Penternakan	1. Menyatakan maksud sajak dan mendeklamasikannya.	
	UNIT / TAJUK 19: Pertanian Sumber Pendapatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons terhadap ayat silaan dan ayat larangan. 2. Menyatakan idea utama dan idea sampingan berdasarkan teks. 3. Membanding beza tanaman biasa dan tanaman akuaponik. 4. Mencipta sajak secara berpandu dan mendeklamasikannya. 5. Menggunakan kata adjektif mengikut konteks. 6. Menggunakan kata hubung berdasarkan teks.
	UNIT / TAJUK 20: Inovasi dalam Penternakan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons terhadap soalan bertumpu. 2. Menyatakan idea keseluruhan berdasarkan teks. 3. Menulis ayat yang diimlakkan. 4. Membina ayat menggunakan kata sendi nama. 5. Menggunakan kata tanya untuk melengkapkan teks. 6. Membina ayat menggunakan kata perintah dan frasa.
	UNIT / TAJUK 21: Bumi Bertuah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberikan respons terhadap soalan. 2. Membaca dan menerangkan maklumat daripada label. 3. Menghasilkan kerangka dan penulisan karangan naratif. 4. Mengubah suai cerita dan mempersembahkannya. 5. Menggunakan kata penguat untuk melengkapkan ayat. 6. Menggunakan kata bantu mengikut konteks. 7. Pemulihan – Isikan kata tanya yang sesuai dalam ayat tanya berpandukan maklumat dalam poster di bawah. 8. Pengayaan – Permainan ayat tanya.

TEMA	UNIT / TAJUK	KANDUNGAN AKTIVITI
TAHUN 3 Tema 8: Ekonomi, Keusahawanan dan Kewangan	1. Berbicara tentang gambar. UNIT / TAJUK 22: Bijak Ekonomi	<ol style="list-style-type: none"> Menjelaskan dan menilai sesuatu perkara secara bertatasusila. Mengenal pasti dan menerangkan kandungan teks. Menghasilkan kerangka dan membina karangan. Menggunakan kata dasar, kata berimbuhan awalan dan kata berimbuhan akhiran untuk membina ayat. Membina ayat menggunakan kata majmuk.
	UNIT / TAJUK 23: Budaya Usahawan	<ol style="list-style-type: none"> Menjelaskan dan membanding beza. Mengenal pasti dan menerangkan kandungan cerita. Mengedit dan memurnikan teks. Mengubah suai seni kata lagu dan mempersembahkannya secara kreatif. Membina ayat menggunakan kata ganda mengikut konteks. Membina ayat seruan dan ayat perintah mengikut konteks.
	UNIT / TAJUK 24: Bijak Mengurus Kewangan	<ol style="list-style-type: none"> Bersoal jawab untuk mendapatkan maklumat. Menjelaskan maksud pantun. Mengenal pasti kesalahan penggunaan struktur ayat. Membina ayat tanya dengan kata tanya dan ayat tanya tanpa kata tanya. Membina ayat tunggal dan ayat majmuk. Pengukuhan – A. Kenal pasti kata majmuk dalam gambar. B. Bina ayat daripada lima kata majmuk yang dikenal pasti. Penilaian – A. Baca dan jelaskan label. B. Kenal pasti kesalahan penggunaan kata. Kemudian, betulkannya. Garisi kata berimbuhan awalan dan bina ayat. Bacaan Luas.

LAMPIRAN 2

CADANGAN PENGAJARAN

CADANGAN PENGAJARAN

Pelaksanaan Kaedah Pengajaran

Pengajaran Individu

- setiap murid diberi perhatian sewajarnya.
- murid yang lemah dibantu untuk mengatasi masalah.
- potensi murid dapat dikembangkan.
- murid belajar mengikut tahap kecerdasan masing-masing.
- perhatian individu meningkatkan minat murid.
- setiap murid dapat menguasai kemahiran asas mengikut objektif.

Pengajaran Kumpulan

- menjalankan penilaian awal
- lantik ketua kumpulan
- aturan kelas sesuai untuk aktiviti
- bahan pengajaran mencukupi
- arahan yang jelas perlu diberikan terlebih dahulu
- kebebasan bergerak aktif dalam kumpulan
- sentiasa mengawasi pergerakan murid
- mesti membantu setiap kesilapan murid
- murid mengambil bahagian dengan aktif
- kumpulan mengikut kebolehan
- memberi peluang kepada semua murid
- meneguhkan konsep kendiri positif

LAMPIRAN 3

KAEDAH VAK

KAEDAH VAK

Kaedah Penggunaan Pelbagai Deria (VAK) digunakan sebagai rangsangan terhadap pelbagai deria murid.

Pendekatannya adalah seperti berikut:

1.1 Penglihatan (visual)

Penglihatan murid dirangsang melalui gambar-gambar yang bergerak atau suku kata yang berwarna-warni yang disokong oleh bunyi sebutan menggunakan bahan teknologi komunikasi maklumat (TMK).

Contoh-contoh aktiviti penglihatan ialah:

- memerhati
- melihat
- menggambarkan
- melukis
- menulis
- membuat kolaj

1.2 Pendengaran (auditori)

Murid mendengar sebutan serta melihat pergerakan mulut guru. Murid menyebut perkataan tersebut. Contoh-contoh aktiviti pendengaran ialah:

- mendengar rakaman
- mendengar sebutan
- menyebut semula
- mengecam bunyi
- mengambil imlak

1.3 Pergerakan (kinestetik)

Kinestetik bertujuan untuk membolehkan murid belajar sambil bermain, belajar sambil menyanyi serta bertukar-tukar kemahiran.

Contoh-contoh aktiviti pergerakan ialah:

- main peranan (lakonan)
- permainan
- aktiviti luar bilik darjah
- mereka cipta
- simulasi
- nyanyian dan gerakan

LAMPIRAN 4

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Jadual 1 : Matriks Kemahiran Berfikir

Bil.	Tahap Operasi Kognitif	A	B	C	D	E	F	G
		TAHAP PEMIKIRAN						
		Mengingat	Memahami	Mengaplikasi	Menganalisis	Menilai	Mencipta	
		Mengingat kembali atau mengenal pasti maklumat yang spesifik.	Menterjemahkan bahan atau idea daripada satu bentuk ke bentuk lain; mentafsir bahan atau idea, menganggar trend.	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara.	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan.	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif.	
1	Tahap 1	Menyatakan semula pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Menceritakan sesuatu perkara yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Menggunakan sesuatu perkara yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Membanding beza sesuatu perkara dan membuat hubung kait tentang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Membuat pertimbangan tentang sesuatu perkara bagi membuat keputusan dengan memberi sebab.	Menghasilkan produk dengan bimbingan.	
2	Tahap II	Menyatakan definisi, pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Menerangkan atau memerihal sesuatu perkara yang berkaitan dengan memberi contoh pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas.	Menunjuk cara sesuatu perkara yang berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang asas dalam situasi yang berlainan.	Mencerakinkan sesuatu perkara yang asas dan membuat hubung kait untuk membuat kesimpulan.	Membuat keputusan berdasarkan pertimbangan dengan memberi justifikasi dalam satu situasi.	Menambah baik produk yang sedia ada dengan bimbingan.	
3	Tahap III	Menyatakan definisi, pengetahuan, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang asas.	Menjelaskan atau memerihal sesuatu perkara dengan sedikit penerangan atau contoh berkaitan dengan definisi, pengetahuan, kemahiran, nilai, konsep dan prinsip yang asas.	Menunjuk cara sesuatu perkara dengan sedikit penerangan atau contoh berkaitan dengan pengetahuan, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang asas dalam situasi yang berlainan.	Mencerakinkan dengan mendalam sesuatu perkara dan membuat hubung kait untuk membuat kesimpulan.	Membuat keputusan berdasarkan pertimbangan dengan memberi justifikasi dalam pelbagai situasi.	Menambah baik produk yang sedia ada tanpa bimbingan.	
4	Tahap IV	Menyatakan definisi, pengetahuan, teori, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang asas.	Menjelaskan sesuatu perkara dengan memberi contoh yang berkaitan dengan definisi, pengetahuan, teori, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang asas dalam situasi yang berlainan.	Menunjuk cara sesuatu perkara dengan penerangan atau contoh yang berkaitan dengan pengetahuan, teori, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang asas dalam situasi yang berlainan.	Mencerakinkan dengan mendalam sesuatu perkara dalam situasi yang kompleks untuk membuat kesimpulan.	Membuat keputusan berdasarkan pertimbangan dengan memberi justifikasi dalam situasi bukan rutin.	Mengubah suai produk sedia ada.	
5	Tahap V	Menyatakan definisi, pengetahuan, teori, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang kompleks.	Menjelaskan atau memerihal sesuatu perkara dengan memberi contoh yang berkaitan dengan definisi, pengetahuan, teori, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang kompleks dalam situasi yang berlainan.	Menunjuk cara sesuatu perkara dengan penerangan atau contoh yang berkaitan dengan pengetahuan, teori, kemahiran, nilai, konsep, prinsip dan strategi yang kompleks dalam situasi yang berlainan.	Mencerakinkan dengan mendalam sesuatu perkara dalam situasi yang kompleks dan mendalam serta membuat kesimpulan.	Membuat keputusan berdasarkan pertimbangan dengan memberi justifikasi dalam situasi yang kompleks.	Menghasilkan produk yang ba-harу dan asli.	

Senarai Kata Kerja bagi Melaksanakan KBAT dalam Bilik Darjah

Tahap pemikiran diterjemahkan melalui kata kerja yang sesuai seperti dalam Jadual 2. Senarai kata kerja ini dikategorikan mengikut tahap pemikiran yang berbeza. Walau bagaimanapun, satu kata kerja yang sama boleh dikategorikan pada tahap pemikiran yang berbeza berdasarkan konteks penentuan objektif pembelajaran.

Jadual 2 : Senarai Kata Kerja

Mengingat	Memahami	Mengaplikasi	Menganalisis	Menilai	Mencipta
Mengingat kembali atau mengenal pasti maklumat yang spesifik	Menterjemahkan bahan atau idea daripada satu bentuk ke bentuk lain; mentafsir bahan atau idea, menganggar trend	Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara	Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan	Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi	Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif
Mengecam Mengulang Menyenaraikan Mengenal pasti Menamakan Menyatakan Memberitahu dan lain-lain	Menjelaskan Memberi contoh Meringkaskan Menterjemah Memilih Menerangkan dan lain-lain	Menunjukkan Menyesuaikan Menggunakan Menggambarkan Membina Melengkapkan Memeriksa Mengelaskan Menunjuk cara Melukis Melakar Meramal Menyediakan Menghasilkan Mengguna pakai Melaksana Melakukan dan lain-lain	Mencerakin Membezakan Memeriksa Membanding Mengesan Menyiasat Mengkategorikan Memaparkan Menilai Menguji Meramal Membuat inferens Mentafsir dan lain-lain	Mempertimbangkan Memilih Membuat keputusan Memberi alasan Membahas Mengesahkan Mencadangkan Mentaksir Membuat kesimpulan Mempertahankan Menyokong Menentukan keutamaan Meramal Membuat justifikasi dan lain-lain	Menaik taraf Mengubah Merancang Membina Mencadangkan Menjana Membangun Menyediakan Menyusun semula Menggabungkan Memasang Merumuskan Menghasilkan Mereka bentuk Melakar dan lain-lain

LAMPIRAN 5


8 PETA PEMIKIRAN i-THINK

PETA PEMIKIRAN i-THINK

Program i-THINK memperkenalkan Peta Pemikiran. Peta Pemikiran adalah merupakan alat berfikir yang dipersembahkan dalam 8 bentuk Peta Pemikiran secara visual yang mudah diguna pakai dan difahami merentas kurikulum. Setiap Peta Pemikiran mempunyai proses pemikiran tersendiri. Penggunaan peta ini boleh disesuaikan mengikut tajuk atau unit pelajaran.

1. Peta Bulatan


Proses pemikiran: **Mendefinisikan mengikut konteks**



Sumbang saran idea dan mempamerkan pengetahuan sedia ada berkaitan sesuatu tajuk dengan memberikan maklumat mengikut konteks.

2. Peta Buih


Proses pemikiran: **Menerangkan atau memerihalkan menggunakan adjektif**



Memperkaya kebolehan pelajar bagi mengenal pasti atau menunjukkan kualiti. Ia biasanya menggunakan perkataan deskriptif atau huraihan.

3. Peta Buih Berganda


Proses pemikiran: **Banding beza**



Membanding beza sesuatu.

4. Peta Pokok


Proses Pemikiran: **Membuat pengelasan**



Mengklasifikasikan bahan atau idea.

6. Peta Alir


Proses Pemikiran: **Urutan**



Membuat urutan sesuatu.

5. Peta Dakap


Proses Pemikiran: **Hubungan bahagian-seluruh**



Menganalisis objek fizikal. Garisan sebelah kiri adalah nama atau imej keseluruhan objek. Garisan pada bahagian kedua ialah bahagian utama.

7. Peta Pelbagai Alir


Proses Pemikiran: **Sebab dan akibat**



Menunjuk dan menganalisis hubungan sebab dan akibat. Segi empat yang berada di bahagian tengah adalah peristiwa yang penting. Pada sebelah kirinya adalah sebab-sebab peristiwa tersebut, manakala sebelah kanan pula adalah akibat peristiwa tersebut.

8. Peta Titik

Proses Pemikiran: Analogi, hubungan yang sama, mencari faktor penghubungan



Mengaplikasikan proses analogi dengan menggunakan faktor penghubungan.

Membina Bingkai Rujukan

“Bingkai rujukan boleh digunakan dalam semua lapan Peta Pemikiran. Ia adalah ‘Bingkai Metakognitif’ dan meminta murid berfikir tentang apa yang telah difikirkan sebelum ini. Ia digunakan oleh murid untuk memikirkan kembali sumber rujukan bagi isi-isi yang telah mempengaruhi pemikiran mereka.”

(Hyerle & Yeager, 2007)



1. Bingkai rujukan dilukis pada bahagian luar Peta Pemikiran setelah semua maklumat di dalamnya sudah diisi.
2. Ia bertujuan untuk menyatakan sumber rujukan atau sudut pandangan daripada pelbagai pihak.
3. Contoh: Ibu bapa

Huraian: Ia bermaksud maklumat yang didapat telah diambil daripada ibu bapanya.

Sumber :

Bahagian Pembangunan Kurikulum 2012

LAMPIRAN 6

PEMBELAJARAN BERMAKNA

CONTOH PEMBELAJARAN BERMAKNA : MENGAPLIKASI KEMAHIRAN (BAHASA MELAYU) - 1

TEMA	: Kekeluargaan
STANDARD PEMBELAJARAN	: 1.2.1 Bertutur dengan sebutan yang betul dan intonasi secara bertatasusila. 1.2.2 Menyampaikan maklumat daripada bahan.
KEMAHIRAN PEMULIHAN	: 1 - Huruf-huruf vokal
BAHAN RUJUKAN	: Buku Teks Bahasa Melayu (SK) Tahun 1
MUKA SURAT	: 6
AKTIVITI	: Mengajuk dan menyebut perkataan yang mengandungi huruf vokal. Sebutlah Arif : a ayam e ekor e enam i itik o obor u udang

LANGKAH PENGAJARAN :

1. Murid diminta menceritakan pengalaman berkaitan dengan objek / perkara.

2. Guru menanyakan soalan seperti :
 - i. Dimanakah kamu tinggal?
 - ii. Pernahkah kamu melihat ayam?
 - iii. Di manakah kamu melihat ayam?
 - iv. Milik siapakah ayam itu ? (Pembelajaran Bermakna)

3. Guru bebas mengembangkan idea kepada murid dengan merujuk perkataan vokal selain ayam.

CONTOH PEMBELAJARAN BERMAKNA : MENGAPLIKASI KEMAHIRAN (BAHASA MELAYU) - 2

TEMA	: Kekeluargaan
STANDARD PEMBELAJARAN	: 2.2.1 (i) Membaca, memahami dan mengenal pasti; kosa kata.
KEMAHIRAN PEMULIHAN	: 11 - Perkataan KV+KVK
BAHAN RUJUKAN	: Buku Teks Bahasa Melayu (SK) Tahun 2, Jilid 1
MUKA SURAT	: 19
AKTIVITI	: Baca perkataan dan ayat. i. Kubis ii. Betik iii. Sayur iv. Segar

LANGKAH PENGAJARAN :

1. Guru menyediakan ayat mudah berdasarkan perkataan yang terlibat.
2. Murid membaca ayat mudah yang disediakan.

Contohnya

- i. Emak beli kubis.
- ii. Betik itu sudah masak.
- iii. Sayur itu segar.

3. Murid menceritakan pengalaman sendiri di pasar. (Pembelajaran Bermakna)

CONTOH PEMBELAJARAN BERMAKNA : MENGAPLIKASI KEMAHIRAN (BAHASA MELAYU) - 3

TEMA : Keselamatan

STANDARD PEMBELAJARAN : 2.2.1 (i) Membaca, memahami dan mengecam; maksud kosa kata.

KEMAHIRAN PEMULIHAN : 19 - Perkataan V+KVKK
20 - KVKK + KVKK
23 - KVKK+KVKK




BAHAN RUJUKAN : Buku Teks Bahasa Melayu (SK) Tahun 3, Jilid 1

MUKA SURAT : 47

AKTIVITI : Membimbing murid menaakul gambar dan bertutur tentang gambar.

LANGKAH PENGAJARAN :

1. Guru memaparkan gambar orang menunggang kuda.
2. Guru meminta murid menceritakan pengalaman menunggang atau melihat kuda.
3. Guru menanyakan beberapa soalan mudah seperti:
 - i. Di manakah kamu melihat kuda?
 - ii. Pernahkah kamu menunggang kuda?
 - iii. Apakah peralatan keselamatan untuk menunggang kuda?
(Pembelajaran Bermakna)



CONTOH PEMBELAJARAN BERMAKNA : MENGAPLIKASI KEMAHIRAN (BAHASA MELAYU) - 4

TEMA	: Kebudayaan Kita
STANDARD PEMBELAJARAN	: 4.4.2 (i) menyanyikan lagu dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai serta melakukan aksi mengikut lirik lagu kanak-kanak.
KEMAHIRAN PEMULIHAN	: 29 - Perkataan yang melibatkan diftong dan vokal berganding
BAHAN RUJUKAN	: Buku Teks Bahasa Melayu (SK) Tahun 2, Jilid 1
MUKA SURAT	: 70
AKTIVITI	: Menyanyikan lagu ‘Lompat Si Katak Lompat.

LANGKAH PENGAJARAN :

1. Guru mendapatkan QR kod daripada buku teks.
Murid menyanyikan lagu lompat si katak lompat dengan iringan muzik yang dimuat turun dengan aksi yang sesuai.
2. Guru menekankan perkataan diftong dan vokal berganding seperti:
 - i. Menghargai
 - ii. Bahagia
 - iii. Kalau
 - iv. Nilai
3. Guru dan murid membincangkan nilai murni yang terdapat dalam buku teks iaitu menghargai masa, hemah tinggi, kerajinan dan lain-lain di akhir pembelajaran. (Pembelajaran Bermakna)

CONTOH PEMBELAJARAN BERMAKNA : MENGAPLIKASI KEMAHIRAN (BAHASA MELAYU) - 5

TEMA	: Kesihatan Dan Kebersihan
STANDARD PEMBELAJARAN	: 3.2.1 (i) Membina dan menulis; ayat.
KEMAHIRAN PEMULIHAN	: 30 - Perkataan yang melibatkan huruf konsonan bergabung (digraf)
BAHAN RUJUKAN	: Buku Teks Bahasa Melayu (SK) Tahun 3, Jilid 1
MUKA SURAT	: 27
AKTIVITI	: Mendengar, memahami dan memberikan respons.

LANGKAH PENGAJARAN :

1. Murid melakonkan watak sebagai penjual dan pembeli sabun mandi organik.

2. Perkataan yang ditekankan semasa berlakon seperti:

- i. Pengawet
- ii. Pewangi
- iii. Minyak
- iv. Mengandungi
- v. Jangan

3. Contoh dialog yang diberikan guru seperti:

Murid A : Mari-mari beli sabun wangi.

Sabun ini pewangi oren.

Sabun ini tiada pengawet.

Boleh guna tanpa was-was.

Murid B : Baiklah, saya akan beli sabun ini.

Pertandingan bakat sebagai jurujual. (Pembelajaran Bermakna)

CONTOH PEMBELAJARAN BERMAKNA : MENGAPLIKASI KEMAHIRAN (BAHASA MELAYU) - 6

TEMA	: Kebudayaan Kita
STANDARD PEMBELAJARAN	: 2.3.2 (iv) Membaca dan mempersempahkan karya sastera dan bukan sastera dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai; petikan bukan sastera.
KEMAHIRAN PEMULIHAN	: 32 - Bacaan dan Pemahaman
BAHAN RUJUKAN	: Buku Teks Bahasa Melayu (SK) Tahun 2, Jilid 2
MUKA SURAT	: 82
AKTIVITI	: Membaca dan memahami petikan.

LANGKAH PENGAJARAN :

1. Murid membaca petikan secara individu dan berkumpulan.
2. Murid diminta menyatakan maklumat yang telah di baca.
3. Guru bertanyakan soalan berkaitan petikan kepada murid seperti:
 - i. Bilakah masjid ini mula dibina?
 - ii. Siapakah yang merasmikan masjid tersebut?
4. Murid menceritakan pengalaman semasa berada di masjid. (Pembelajaran Bermakna)

LAMPIRAN 7

PERMAINAN BAHASA

PERMAINAN BAHASA

CADANGAN PERMAINAN BAHASA


PERMAINAN BAHASA 1

Kemahiran Pemulihan : 2 - Huruf – huruf kecil

Nama Permainan : Pasangkan Saya

Bahan :

1. Pasangan huruf pada kad keras



Langkah :

1. Pecahan kad diberikan kepada murid secara rawak.
2. Murid diminta mencari pasangan kad mereka di dalam kelas.
3. Setelah mendapat pasangan kad, murid menyebut huruf dengan betul.


PERMAINAN BAHASA 2

Kemahiran Pemulihan : 4 – Suku Kata KV

Nama Permainan : Teka Silang Kata

Bahan :

1. Lembaran silang kata



Langkah :

1. Murid diberikan lembaran silang kata.
2. Murid melengkapkan lembaran.


PERMAINAN BAHASA 3

Kemahiran Pemulihan : 5 – Perkataan KV+KV

Nama Permainan : Namakan Saya

Bahan :

1. Dadu bergambar



Langkah :

1. Murid diminta membaling dadu.
2. Murid melihat gambar paling atas.
3. Murid menulis perkataan berdasarkan gambar pada papan putih secara individu.


PERMAINAN BAHASA 4

Kemahiran Pemulihan : 6 – Perkataan V+KV

Nama Permainan : Jatuhkan Saya

Bahan :

1. Botol air
2. Gambar VKV – api, ubi, alu, ibu dan uli



Langkah :

1. Botol air yang ditampal gambar, disusun dengan jarak yang bersesuaian.
2. Murid diberikan bola untuk digolek / dibaling.
3. Murid mengeja dan menulis di papan putih, nama perkataan berdasarkan gambar yang dijatuhkan.

PERMAINAN BAHASA 5

Kemahiran Pemulihan : 7 – Perkataan KV+KV+KV

Nama Permainan : Cari Perkataan

Bahan :

1. Gambar

2. Kad Suku Kata KV

Langkah :

1. Guru menyediakan 5 stesen.

Stesen 1 – Diletakkan kad gambar

Stesen 2 – Diletakkan kad suku kata KV yang pertama

Stesen 3 – Diletakkan kad suku kata KV yang kedua

Stesen 4 – Diletakkan kad suku kata KV yang ketiga

Stesen 5 – Papan putih, ruangan untuk menampal gambar dan kad suku kata KV menjadi perkataan KV+KV+KV

2. Murid bergerak dari stesen 1 sehingga stesen 5 untuk melengkapkan permainan.

PERMAINAN BAHASA 6

Kemahiran Pemulihan : 8 – Perkataan KVK

Nama Permainan : Siapa Saya

Bahan :

1. Lembaran Permainan



r | j | a | m | d | e |



g | a | t | c | a | t |



d | h | b | e | g | e |

Langkah :

1. Lembaran di atas disediakan.

2. Murid diberikan pen marker untuk membulatkan perkataan berdasarkan gambar.

PERMAINAN BAHASA 7

Kemahiran Pemulihan : 18 – Perkataan KV+KVKK

Nama Permainan : Cari Saya

Bahan :

1. Bahan maujud – kacang, bawang, tudung, butang, benang, pisang
2. Kad perkataan

Langkah :

1. Kad perkataan diletakkan di atas meja.
2. Murid mengambil satu kad perkataan dan mencari bahan maujud yang telah disembunyikan.


PERMAINAN BAHASA 8

Kemahiran Pemulihan : 21 – Perkataan KVKK+KV

Nama Permainan : Keting - ting

Bahan :

1. Kotak Keting-ting
2. Gundu
3. Gambar



Langkah :

1. Gambar diletakkan dalam kotak keting-ting.
2. Murid membaling gundu ke dalam kotak.
3. Murid melompat ke kotak, dimana gundu jatuh dan mengambil gambar tersebut
4. Murid menghabiskan permainan.
5. Setelah selesai, murid akan memadankan kad gambar dengan perkataan yang betul.

Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 2, Blok E, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 9190 Fax: 03-8888 6670

